

RANCANGAN PEMBANGUNAN DAERAH : SATU PENDEKATAN BARU KEPADA PEMBANGUNAN DAERAH

Kajian Kes :

Rancangan Pembangunan Daerah Port Dickson,
Negeri Sembilan Darul Khusus

Oleh :

SYAFIEE BIN SHUID

Tesis ini disediakan bagi memenuhi keperluan
Diploma Lanjutan Perancangan Bandar dan Wilayah

Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah

Kajian Senibina, Perancangan dan Ukur

Institut Teknologi Mara

Shah Alam

MEI 1995

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah dan Maha Pengasihani.

Bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. dengan segala limpah kurniaNya, maka kajian mengenai RANCANGAN PEMBANGUNAN DAERAH : SATU PENDEKATAN BARU KEPADA PEMBANGUNAN DAERAH ini telah dapat disiapkan dengan sempurna. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terimakasih kepada semua pihak yang telah membantu terutamanya En. Rosmin Bin Talib selaku penyelia kepada saya.

Tidak juga dilupakan kepada rakan-rakan yang banyak membantu sama ada dalam bentuk dorongan dan bantuan dari segi kewangan seperti saudara Masayu, saudara Saifulhazly, saudara Rahim dan beberapa nama lain yang tidak dapat saya sebutkan di sini. Juga kepada keluarga saya, yang selama ini telah banyak berkorban demi kemajuan pembelajaran saya di ITM.

Terima kasih ini juga ingin saya tujukan kepada semua Pensyarah Jabatan Perancangan Bandar Dan Wilayah, terutamanya Ketua Kursus Diploma Lanjutan Perancangan Bandar Dan Wilayah, orang perseorangan, kumpulan dan pihak-pihak tertentu yang terlibat secara langsung atau tidak di dalam membantu menghasilkan kajian ini, seperti :-

1. Kementerian Pembangunan Luar Bandar
2. Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Ibu Pejabat/ Cawangan
3. Pejabat Daerah Port Dickson

Segala bantuan dan dorongan kalian semua akan dikenang selagi hayat dikandung badan dan hanya ALLAH yang akan dapat membalasnya.

WASSALLAM.

SYAFIEE BIN SHUID

MEI 1995

ABSTRAK

Sejarah perancangan bandar dan desa di negara ini telah memperlihatkan berbagai-bagai dimensi dari dahulu hingga kini. Setiap Pelan Pembangunan yang dihasilkan adalah bertujuan mewujudkan pembangunan yang lebih baik di sesebuah kawasan. Jika di lihat umumnya pelan pembangunan yang diamalkan di negara ini lebih menumpukan kepada pembangunan di kawasan perbandaran.

Atas kesedaran untuk membangunkan kawasan luar bandar, Rancangan Pembangunan Daerah di lihat sebagai satu usaha untuk mencapai keseimbangan pembangunan di antara kawasan bandar dan desa. Kerajaan telah memperkenalkan Buku MERAHDUA pada bulan Ogos 1987 yang mana memerlukan Pejabat Daerah untuk menyediakan maklumat yang lengkap dan tepat diperingkat daerah untuk tujuan membantu perancangan pembangunan daerah, yang menjurus kepada pembangunan yang lebih seimbang di antara kawasan bandar dan luar bandar. Walau bagaimanapun di dalam penyediaan dan perlaksanaannya terdapat berbagai-bagai masalah yang timbul. Sehubungan dengan itu kajian ini akan menumpukan kepada penyelesaian masalah yang wujud di samping menghasilkan satu bentuk pendekatan pembangunan yang lebih komprehensif di peringkat daerah pada masa hadapan.

Penghargaan	i
Abstrak	ii
Isi Kandungan	iii
Senarai Jadual	vii
Senarai Rajah	ix
Senarai Gambarfoto	xi
Senarai Lampiran	xii
Senarai Singkat Kata	xiii

ISI KANDUNGAN

MUKASURAT

BAB 1 : PENGENALAN

1.1	Kenyataan Masalah	4
1.2	Tujuan	5
1.3	Objektif	5
1.4	Skop Kajian	7
1.5	Had Kajian	9
1.6	Latarbelakang Rancangan Pembangunan Daerah	11
1.7	Kajian Kes	13
1.8	Pendekatan Kajian	14
1.9	Jadual Penyediaan Kajian	20

BAB 2 : KAJIAN ILMIAH

2.1	Pendahuluan	21
2.2	Maksud Rancangan Pembangunan	22
2.3	Proses Perancangan	25
2.4	Pendekatan Di Dalam Perancangan	29
2.5	Keperluan Terhadap Perancangan	36

BAB 1

PENGENALAN KAJIAN

1.0 PENGENALAN

Dalam usaha membangunkan negara dan meningkatkan pembangunan di sesuatu kawasan, berbagai sistem perancangan telah diperkenalkan dan diamalkan oleh kebanyakan negara di dunia. Pada masa yang sama telah diwujudkan sistem pelan-pelan pembangunan yang mana bukan sahaja berfungsi untuk menterjemahkan dasar-dasar nasional kepada dimensi spatial tetapi juga sebagai alat untuk memandu dan mengawal pembangunan sesuatu kawasan untuk masa hadapan.

Dalam konteks negara Malaysia, sistem yang di terimapakai mempunyai persamaan dengan sistem yang diamalkan di United Kingdom. Walau bagaimanapun penyesuaian terus dilakukan selaras dengan peredaran masa untuk memastikan sistem perancangan yang diamalkan mempunyai ciri dan memenuhi keperluan rakyat di negara ini.

Jika dilihat dari perspektif sejarah, sistem perundangan perancangan bandar telahpun digunakan dinegara ini semenjak tahun 1804 iaitu di Pulau Pinang dengan pewujudan '*Committee Of Accessors*' yang bertanggungjawab mengenai aspek perumahan dan kebersihan bandar. Selepas itu sistem dan